

Cemerlang akademik bukan jaminan dapat kerja

Graduan perlu ada kemahiran tambahan, tarik hati bakal majikan

Oleh Saadiah Ismail

Saadiah_ismail@bh.com.my

Hari ini kecemerlangan akademik semata-mata tidak menjamin peluang pekerjaan disebabkan persaingan yang tinggi. Sebaliknya, ia perlu disokong dengan kemahiran lain bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Apatah lagi majikan kini selesa memilih tenaga kerja dengan kemahiran insaniah seperti komunikasi yang berkesan, pemikiran kritis, kepimpinan dan keupayaan bekerja dalam kumpulan.

Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik, Jabatan Akademik dan Antarabangsa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Suriyani Ariffin, berkata dalam hal ini universiti berperanan penting membentuk graduan berkualiti dan relevan dengan keperluan industri.

Katanya, pensyarah bertanggungjawab untuk menerapkan elemen penting termasuk kemahiran interpersonal dan komunikasi, pemikiran analitis serta kemahiran penggunaan teknologi digital.

"Pensyarah perlu mengadaptasi kaedah pengajaran yang lebih interaktif, menggalakkan penyerahan pelajar dalam perbincangan terbuka serta mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran.

"Ini bagi memastikan graduan bukan saja memahami teori tetapi mampu mengaplikasikannya dalam persekitaran pekerjaan sebenar.

"Graduan yang boleh berinteraksi dengan baik dalam pelbagai persekitaran budaya dan organisasi mempunyai kelebihan berbanding pesaing mereka," katanya.

Suriyani berkata, pasaran kerja hari ini berubah dengan pantas berikutan kemunculan pekerjaan baharu yang berkaitan dengan automasi, kecerdasan buatan (AI) dan ekonomi digital.

Justeru katanya, pelajar perlu dibimbing mengembangkan pemikiran kritis dan adaptasi teknologi terkini melalui pendekatan *Flexible Learning Pathway* (FLP), iaitu memberi mereka kebebasan memilih dan menyesuaikan kursus mengikut minat, keperluan, dan kelajuan pembelajaran sendiri.

Kerjaya yang luas

FLP katanya, membolehkan pembelajaran sepanjang hayat dan membina laluan kerjaya yang lebih luas.

"Selain ijazah, graduan dengan pengalaman industri akan lebih mudah mendapat pekerjaan dan pensyarah boleh memainkan peranan sebagai penghubung antara institusi akademik dan industri.

"Keupayaan untuk belajar kemahiran baharu, menyesuaikan diri dengan teknologi moden serta menguasai pelbagai disiplin ilmu boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan," katanya.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hizmawati Madzin, berkata graduan cemerlang tetapi tidak menepati kehendak pasaran pekerjaan disarankan melengkapkan diri dengan kemahiran tambahan *reskilling* dan *upskilling* supaya ilmu yang diperoleh tidak dibazir begitu saja.

Katanya, jika graduan itu meng-

ambil kursus berdasarkan sains komputer dan kejuruteraan, peluang mencari pekerjaan dijangka mudah, berbanding graduan yang mengkhusus dalam bidang sains sosial.

"Faktor itu yang menjadi antara punca kepada graduan cemerlang Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA), yang akhirnya memilih sektor gig sebagai pekerjaan sementara sebelum berjaya mendapatkan pekerjaan sesuai kelulusan.

"Namun tidak salah jika mereka berada di sektor gig kerana ia adalah cabang untuk mendapatkan wang dengan mudah, tetapi jika ia berterusan sebagai penghantar makanan umpamanya, tindakan itu boleh merugikan negara.

"Sebagai alternatif, jika ingin bekerja di sektor gig, mereka boleh menjadi seperti pencipta atau pembangun kandungan yang boleh membuka laluan kepadanya menjadi usahawan dan memberi peluang pekerjaan kepada orang lain pada masa hadapan," katanya.

Sebelum ini media melaporkan dapatan Kajian Impak AI Terhadap Pasaran Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp, kira-kira 600,000 pekerja dalam tempoh lima tahun akan datang mungkin terkesan dengan perkembangan kecerdasan buatan, digitalisasi, dan ekonomi hijau.

Pekerja di 10 sektor dijangka terkesan dengan perkembangan ini iaitu sektor teknologi maklumat dan komunikasi, perkhidmatan perniagaan global, pembuatan farmaseutikal, pembuatan dan perkhidmatan makanan, elektrik

dan elektronik, aeroangkasa, perniagaan borong dan runcit, peranti perubatan, tenaga dan kuasa.

Sektor-sektor ini mempunyai bilangan pekerja paling ramai, lebih kurang 3.5 juta pekerja mahir dan separuh mahir.

Gaji relevan

Katanya, dalam masa sama, kerajaan dan institusi pendidikan tinggi juga perlu peka dengan kursus serta kemahiran ditawarkan supaya selari dengan permintaan pasaran. Ia bagi memastikan, graduan boleh memperoleh pekerjaan dengan gaji relevan usai pengajian.

"Akan jadi kerugian kepada negara jika graduan cemerlang tidak menggunakan ilmu dengan cara yang betul dan hanya membabitkan diri dalam sektor gig.

"Sepuluh tahun akan datang, kita tidak tahu kerjaya apa yang akan menjadi pilihan dan apakah teknologi terbaharu yang akan menggantikan teknologi hari ini," katanya.

Sementara itu, graduan lepasan Universiti Malaya (UM), Aisy Anaqi Abdul Rahim, yang sudah hampir setahun menjadi penghantar makanan, berkata dia melakukan pekerjaan itu untuk menyara diri, sementara menunggu peluang pekerjaan diinginkan.

"Saya menamatkan pembelajaran dalam bidang Ekologi Biodiversiti dengan CGPA 3.66 dan saya faham bidang ini agak spesifik dan memerlukan mereka yang berpengalaman, pakar dan sebagainya.

"Namun saya tidak putus asa untuk mencari pekerjaan yang se-

Graduan yang boleh berinteraksi dengan baik dalam pelbagai persekitaran budaya dan organisasi mempunyai kelebihan berbanding pesaing mereka

Suriyani Ariffin,
Pengarah Bahagian
Pembangunan
Akademik, Jabatan
Akademik dan
Antarabangsa
UiTM



Akan jadi kerugian kepada negara jika graduan cemerlang tidak menggunakan ilmu dengan cara yang betul dan hanya membabitkan diri dalam sektor gig



Hizmawati Madzin,
Pengarah Pusat
Pembangunan
Keusahawanan dan
Kebolehpasaran
Graduan UPM

Biarlah lambat dalam memilih pekerjaan, asalkan ia menepati kehendak dan sesuai dengan ilmu yang dipelajari

Aisy Anaqi
Abdul Rahim,
Graduan
lepasan UM



suai dengan kelulusan.

"Alhamdulillah, ada beberapa tawaran pekerjaan yang berseesuaian dan saya masih memilih pekerjaan yang diinginkan," katanya.

Katanya, biarlah lambat dalam memilih pekerjaan, asalkan ia menepati kehendak dan sesuai dengan ilmu yang dipelajari.

"Pada awalnya sedikit sedih kerana lambat mendapat pekerjaan, tetapi lama-kelamaan saya boleh terima perkara itu, tetapi kita janganlah hilang rentak dalam mencari pekerjaan yang diinginkan.

"Keluarga juga tidak memberi tekanan dan dalam masa yang sama, kita mesti berusaha," katanya.